



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**21 Julai 2024
15 Muharam 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Gempa dasar laut gegar hidupan marin • Jejas kemampuan navigasi, komunikasi, mencari makanan
Harian Metro	•
Kosmo !	• Mengasuh ribuan anak siakap • Ternakan benih siakap bantu keterjaminan bekalan
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		18-19	21.7.2024

Mengasuh ribuan anak siakap

IKAN siakap putih juga dikenali sebagai kakap putih atau selongsong merupakan spesies hidupan akuatik yang boleh hidup di dalam air masin, payau dan juga air tawar. Siakap putih atau nama saintifiknya, *Lates calcarifer* dianggap ikan 'ajaib' kerana boleh berubah jantina apabila mencapai tempoh matang. Ikan siakap putih jantan yang matang atau dewasa bertukar menjadi induk betina selepas sekurang-kurangnya satu musim mengawan. Di Malaysia ini, ikan siakap antara ikan yang mendapat permintaan tinggi kerana keenakan rasa isi putih berkeping, selain harga mampu dinikmati segenap lapisan masyarakat berbanding ikan kerapu, ikan merah serta beberapa spesies kayangan yang lain.



Oleh
**MOHD.
SHARKAWI
LONDING**

Bersandarkan kelebihan-kelebihan itu, ibarat pucuk dicita ulam mendatang, kesempatan terhidang luas ini telah membuka mata seorang pemuda di Benut, Pontian, Johor, Shahrizan Rosli, 38, bergiat dalam industri penternakan ikan air tawar. Menurut orang Felda Palong Timur, Segamat itu, dia mula berjinak dengan ternakan akuakultur susulan bapa mentuanya meninggal dunia. "Selepas bapa mentua saya meninggal dunia, tiada siapa yang nak menguruskan harta pusaka, oleh itu isteri saya, Norhafizah Ernan, 37, mengambil alih dalam pengurusan harta pusaka termasuk tanah yang

SHAHRIZAN menunjukkan ikan siakap yang sudah dibesarkan.



mempunyai kolam. "Tanah ini sebelum ini disewakan kepada penternak lain, namun mempunyai masalah dan kami mengambil alih untuk menguruskan kolam yang sedia ada.

"Saya sebelum ini bekerja sebagai konsultan kualiti insurans di sebuah institusi perbankan di ibu negara selama enam tahun dan buat part time sebagai pengurusan acara," katanya.

Pada tahun 2017, bapa kepada dua cahaya mata itu memulakan usaha mengorak langkah terus ke hadapan dengan memberi fokus sepenuhnya kepada ternakan akuakultur.

Meskipun tidak mempunyai pengalaman dalam bidang

TERNAKAN akuakultur itu dilaksanakan Shahrizan di kolam dalam kawasan tanah pusaka keluarga isterinya di Felda Palong Timur, Segamat.

BENIH-BENIH ikan kemudian dibesarkan mengikut saiz pasaran.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			19	21.7.2024

akuakultur, Shahrizan berkata, dia mendapatkan bimbingan daripada Jabatan Perikanan Daerah Pontian dan mengikuti kursus akuakultur di Institut Penyelidikan Air Payau di Gelang Patah, Johor.

Setelah menimba ilmu dalam bidang ternakan air payau, Shahrizan mengeluarkan modal sebanyak RM100,000 untuk membina beberapa lagi kolam serta sistem pendawaian serta membeli beberapa mesin untuk proses menguruskan kolam ternakan.

Menurutnya, dia menghasilkan benih ikan siakap, ikan susu, ikan merah, kerapu, siakap merah, senangin serta pembesaran udang putih dan udang galah.

Ketika ini, dia memberi fokus kepada penghasilan benih ikan siakap putih.

Shahrizan berkata, dia mendapatkan telur siakap daripada pembekal dari Kong Kong, Masai, sebelum melakukan teknik asuhan benih bagi tempoh antara hari ke-45 hingga ke-50 daripada telur kepada saiz benih tiga inci.

Ujarnya, setiap satu pusingan sebanyak 500,000 telur ikan akan dibeli dan diasuh sebelum benih dibesarkan mengikut saiz pasaran dan dijual kepada pembeli di Johor, Melaka serta Pulau Pinang.

"Pada kebiasaannya, daripada 500,000 telur yang kita asuh, hanya 10 peratus iaitu anggaran 40,000 ekor anak ikan kecil dapat dihasilkan.

"Ini kerana, sifat ikan siakap ialah ikan pemangsa, mereka akan makan kawanan mereka sendiri sejak kecil lagi," katanya.

Menurutnya, proses asuhan benih bermula daripada telur ikan dijaga dengan kualiti air 7.5pH dan tahap kemasinan antara 20 ke 25ppt.

Telur akan menetap dalam tempoh 15 hari dan proses grading anak benih dilakukan serta dipindahkan ke kolam yang lain.

Di kolam yang baharu ini akan dilakukan proses pembajaan air untuk menaikkan atau menghasilkan plankton makanan untuk rega atau larva ikan.

Dalam tempoh sehingga ke hari

EKSTRA

PEMBENIHAN SIAKAP

- Telur ikan siakap dibeli daripada pembekal
- Telur ikan diasuh melalui teknik asuhan benih selama antara 45 hingga 50 hari sampai benih ikan bersaiz tiga inci
- Proses asuhan benih dilakukan dengan telur ikan dijaga dengan kualiti air 7.5pH dan tahap kemasinan 20 ke 25ppt.

TELUR-TELUR ikan diasuh sehingga berukuran tiga inci.

KEGIGHAN anak muda seperti Shahrizan untuk memanfaatkan kolam sedia ada wajar dipuji.

45, makanan rumusan iaitu palet atau dedak ikan halus akan diberikan kepada benih ikan sehingga mencapai saiz pasaran iaitu tiga inci.

"Apabila mencapai saiz tiga inci, benih akan dituai dan dijual kepada pembeli dengan harga 70 sen seekor. Setiap satu pusingan dapat menghasilkan sehingga 40,000 ekor benih dan pulangan yang akan diperolehi sekitar RM28,000.

"Dalam setahun, sebanyak antara tiga atau empat kali pusingan benih ikan dapat dilakukan dan pulangan kasar dalam tempoh setahun mencecah RM80,000," katanya.

Pada kebiasaannya, akan ada lebihan benih ikan siakap dihasilkan dan akan dijual kepada penternak kecilan sekitar negeri ini.

Shahrizal berkata, selain benih ikan siakap putih, dia turut mencuba menghasilkan benih ikan susu atau chamos chamos atau juga dikenali sebagai ikan pisang-pisang.

Ujarnya, benih ikan susu adalah pertama kali dan masih dalam proses percubaan.

Untuk asuhan benih ikan susu kolam ternakannya adalah yang pertama di Pontian.

"Proses asuhan benihnya adalah sama seperti ikan siakap putih dan akan dituai apabila mencapai saiz pasaran sebesar tiga inci dan dijual kepada pembeli dengan harga sama seperti benih ikan siakap tadi.

"Setakat ini saya ada benih ikan susu anggaran dalam 3,000 ekor dan benih itu sudah ada penternak dari Sungai Tiram, Ulu Tiram," katanya.

Selain benih, Shahrizan turut menghasilkan siakap dewasa dengan saiz pasaran seberat 500 gram.

Katanya, ikan siakap dewasa itu dijual dengan harga RM18 untuk ikan hidup dan biasanya akan dipasarkan kepada pengusaha kolam pancing di sekitar Johor Bahru.

Manakala ikan mati pula dijual dengan harga pasaran RM12.

Ternakan benih siakap bantu keterjaminan bekalan

USAHA yang dilakukan seorang usahawan muda menternak benih ikan siakap dilihat sebagai satu inisiatif bagi memastikan bekalan mentah khususnya sumber protein daripada ikan di negeri ini mencukupi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan

Luar Bandar Negeri Johor, Datuk Zahari Sarip berkata, usaha itu mampu mengurangkan pembelian benih ikan air tawar negeri lain, sekali gus berpeluang untuk menjadi pengeluar utama.

"Tahun lalu, kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM900,000 bagi projek pembenihan ikan air tawar dan udang di negeri Johor.

"Buat masa ini, di Johor telah mempunyai dua pusat pembenihan ikan air tawar sedia ada iaitu di Kulai dan Pontian termasuk usaha yang dilakukan saudara Shahrizan Rosdi," katanya.

Ujarnya, pembenihan ikan siakap merupakan salah satu ikan air tawar yang dilakukan di kolam ternakan di Jalan Benteng Kanan, Benut, Pontian.

Katanya, benih yang dihasilkan akan dipasarkan kepada penternak ikan dalam sangkar di seluruh negeri ini, malah ada juga dihantar ke beberapa negeri Semenanjung Malaysia.

"Ikhtiar dan usaha yang dilakukan penternak ikan ini dapat memastikan bekalan dan keterjaminan makanan khususnya sumber ikan dapat dilakukan dengan baik," katanya.



ZAHARI

JENIS AKHBAR										MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN		/ SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF			NEUTRAL		/	33-34	21-07-2024

bminggu@bh.com.my

PERSPEKTIF

Layang-layang gergasi
penuhi ruang angkasa
Muka 35

Sundang, senjata beridentiti
Melayu kurang diendah
Muka 38

Gempa dasar laut gegar hidupan marin

Jejaskan kawasan selamat, penuh makanan
untuk tumbesaran spesies laut



Oleh Fatmry A Rosli
fatmry.azli@bh.com.my

Tanggal 26 Disember 2004, dunia diketuk gempa bumi yang mencekutkan tsunami besar membadai bumi Aceh, Indonesia, sehingga meninggalkan wilayah itu bagi padang jarak padang terkukur.

Tragedi berpunca gempa bumi yang berpusat di dasar laut dengan kekuatan 9.1 hingga 9.3 skala Richter itu, merbaham wilayah terbabit dan kesannya kira-kira 132,000 nyawa diragut manakala 37,000 dilaporkan hilang.

Bukan sahaja kehilangan nyawa, bahkan ombak raksasa itu juga memusnahkan tempat tinggal dan bangunan. Yang tinggal hanya sisa kerosakan serta kenangan.

Selain memusnahkan kawasan daratan, tidak semua tahu yang gempa bumi dasar laut turut boleh mencetuskan implikasi buruk terhadap ekosistem marin termasuk segala struktur buatan manusia yang berada di bawah laut.

Paling membimbangkan adalah gempa dasar laut boleh merosakkan kawasan terumbu karang yang dianggap ekosistem terpenting.

Antara kepentingan terumbu karang adalah ia boleh bertindak sebagai benteng dan perlindungan pantai terhadap ombak yang kuat.

Pada masa sama, ia juga berperanan menyediakan kawasan selamat dan penuh makanan untuk tumbesaran spesies laut seperti anak ikan dan kehidupan marin lain.

Memusnahkan habitat marin

Menurut Pengarah Institut Penyelidikan Perikanan Kampung Aceh, Sallehudin Jamon, gelombang besar yang terbentuk akibat gempa bumi dasar laut boleh memusnahkan habitat marin seperti terumbu karang dan padang lamun.

Tambahnya, tsunami juga boleh mengganggu kehidupan laut dan menyebabkan kematian besar-besaran kepada organisma marin.

Ia termasuk menyebabkan berlaku perubahan geomorfologi iaitu gempa bumi boleh mengubah bentuk dasar laut, mengakibatkan perubahan dalam aliran arus dan sedimentasi sehingga keadaan ini boleh mempengaruhi habitat marin dan ekosistem setempat.

"Contoh anggaran kemusnahan akibat gempa bumi 2004 ke atas ekosistem marin di Indonesia menurut BAPPENAS (State Ministry of National Development Planning) membabitkan 20 peratus kawasan rumput, 30 peratus kawasan terumbu karang, 25 hingga 30 peratus kawasan tanah lembap dan 50 peratus kawasan pantai berpasir telah musnah.

"Selain itu, antara impak terburuk juga adalah sampah daratan yang diheret masuk ke dalam laut oleh air tsunami yang surut," katanya.

Keretakan pada dasar laut

Sallehudin berkata, kesan buruk lain akibat gempa bumi dasar laut berisiko menyebabkan kebocoran gas dan minyak, apabila pergerakan tektonik boleh mengakibatkan keretakan pada dasar laut.

Mengambil kira situasi berkenaan, beliau berkata ia mungkin menyebabkan kebocoran gas metana dan minyak daripada lapisan bawah tanah sehingga situasi itu mencekuri air laut dan memberi kesan buruk kepada kehidupan marin.

Kadangkala, gempa bumi dasar laut boleh menyebabkan peningkatan nutrien dari dasar laut ke permukaan, yang boleh meningkatkan produktiviti primer di kawasan berkenaan.

"Bagaimanapun, ini boleh membawa kepada fenomena eutrofikasi jika nutrien yang dilepaskan terlalu banyak.

"Gangguan Akustik dicetuskan gelombang seismik yang dihasilkan oleh gempa bumi boleh mengganggu komunikasi dan navigasi haiwan marin yang bergantung pada bunyi, seperti ikan paus danumba-lumba.

Lihat muka 34

JENIS AKHBAR										MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	/	34	21.7.2024			

Jejas kemampuan navigasi, komunikasi, mencari makanan

Dari muka 33

"Secara keseluruhan, gempa bumi dasar laut boleh membawa kesan yang besar dan pelbagai kepada ekosistem marin, daripada kemusnahan habitat hingga perubahan dalam kedinamikan ekosistem," jelasnya.

Mengikut kajian dijalankan, kejadian gempa bumi dasar laut boleh memberi kesan yang signifikan terhadap pelbagai jenis ikan dan mamalia marin.

Kesan kehancuran terumbu karang akibat tsunami berupaya menyebabkan kehilangan tempat tinggal dan sumber makanan, contohnya terhadap ikan badut dan ikan kerapu.

Perubahan arus dan sedimentasi boleh mengganggu pola migrasi dan mencari makanan bagi ikan pelagik (tuna dan mackerel).

Malah, mamalia marin yang boleh terkesan dengan kejadian dan perubahan mendadak ekosistem marin termasuk paus biru, paus bungkuk, ikan lumba-lumba hidung botol, ikan lumba-lumba biasa, anjing laut harpa dan singa laut California.



Sallehudin Jamon

Spesies laut berhijrah ke kawasan lain

"Kesan tambahan akibat gempa bumi dasar laut adalah penghijrahan spesies laut. Banyak spesies mungkin terpaksa berhijrah ke kawasan lain akibat perubahan habitat, yang boleh meningkatkan persaingan untuk sumber di kawasan baru.

"Ia turut mengundang stres fisiologi. Pendedahan kepada perubahan mendadak dalam lingkungan fizikal dan kimia air laut boleh menyebabkan stres fisiologi kepada ikan dan mamalia marin, yang boleh menjejaskan kesihatan dan kelangsungan hidup mereka," katanya.

Gempa bumi dasar laut dikesan boleh menyebabkan perubahan dalam corak migrasi ikan dan mamalia marin.

Beberapa faktor yang boleh mempengaruhi corak migrasi ini termasuk perubahan dalam struktur habitat dasar laut, perubahan dalam ketersediaan makanan serta gangguan akustik yang disebabkan oleh gelombang seismik.

Menurut Sallehudin, beberapa cara bagaimana gempa bumi dasar laut boleh mempengaruhi corak migrasi ikan dan mamalia marin.

Perubahan topografi dasar laut

"Pertama, perubahan habitat. Gempa bumi boleh menyebabkan perubahan fizikal pada dasar laut seperti pem-

bentukan atau pemusnahan terumbu karang dan perubahan topografi dasar laut.

"Ini boleh menyebabkan spesies yang bergantung pada habitat tertentu untuk mencari kawasan baru yang sesuai untuk mereka.

Kedua, gangguan akustik. Gelombang seismik dari gempa bumi boleh menghasil-

kan bunyi yang kuat di dalam air, yang boleh mengganggu kemampuan ikan dan mamalia marin untuk berkomunikasi, mencari makan atau bernavigasi.

Gangguan akustik ini boleh menyebabkan mereka berpindah ke kawasan yang lebih tenang.

"Ketiga, perubahan ketersediaan makanan. Gempa bumi boleh menyebabkan perubahan dalam aliran air dan arus laut, yang boleh mempengaruhi ketersediaan makanan. Sebagai contoh, gangguan kepada dasar laut boleh mempengaruhi populasi plankton atau ikan kecil, yang seterusnya mempengaruhi spesies yang lebih besar yang bergantung kepada mereka sebagai

Terumbu karang musnah akibat taufan pabuk di Pulau Redang. (Foto ihsan Jabatan Perikanan)



sumber makanan.


"Keempat, gangguan pergerakan. Tsunami yang disebabkan oleh gempa bumi dasar laut juga boleh mengubah corak migrasi ikan dan mamalia marin. Arus kuat dan perubahan mendadak dalam paras air boleh mengganggu laluan migrasi tradisional," katanya.

Kesan Ribut Pabuk

Sementara itu, bagi pemuliharaan akibat kerosakan ekosistem marin, pernah dilakukan ketika kejadian Ribut Pabuk, pada 4 Januari 2019 lalu.

Pasukan Coral Rescue Redang yang terdiri daripada anggota daripada Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber (BTLPS) dan Cawangan Taman Laut Terengganu menjalankan penilaian kerosakan dan pemuliharaan terumbu karang kesan akibat Ribut Pabuk itu, yang melanda perairan Laut China Selatan dan gugusan kepulauan Pulau Redang.

Lokasi itu menerima impak daripada ribut berkenaan. Pusat Taman Laut (PTL) Pulau Redang turut terkesan daripada ribut Pabuk disebabkan kerana kedudukannya yang menghadap Laut China Selatan.



Gempa bumi di bawah permukaan laut berpotensi menghasilkan tsunami yang boleh menyebabkan kerosakan besar kepada ekosistem perikanan pantai. (Foto ihsan Jabatan Perikanan)

info

Gempa dasar laut

1. Berlaku apabila terdapat pergerakan atau pergeseran di dasar laut yang disebabkan oleh pergerakan plat tektonik melibatkan beberapa langkah utama.

2. Tektonik plat
Plat tektonik di bawah lautan bergerak dan boleh bertembung, berpisah, atau bergeseran antara satu sama lain. Tekanan yang terkumpul akibat pergerakan ini akhirnya dilepaskan dalam bentuk gempa bumi.

3. Pelepasan tenaga
Apabila tekanan

yang terkumpul di zon pertemuan plat melebihi kekuatan batuan, ia akan pecah dan menyebabkan pelepasan tenaga secara tiba-tiba. Tenaga ini merambat dalam bentuk gelombang seismik melalui bumi.

4. Pergerakan dasar laut
Gempa bumi ini menyebabkan dasar laut bergerak naik atau turun, bergantung pada jenis pergerakan plat. Perubahan ini boleh mencetuskan tsunami jika pergerakan itu menyebabkan pergeseran besar air laut.



Kerja pemantauan karang, pembersihan pantai untuk membantu pemuliharaan terumbu karang di Malaysia.